

Headline **5 pelajar UPM terpilih ke Sukan Olimpik**
Date **26. Feb 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **31**
Section **Pendidikan** Article Size **172** cm2
Circulation **217991** Frequency **Daily**
Readership **762968** Color **Full Color**



5 pelajar UPM terpilih ke Sukan Olimpik

LIMA daripada 48 atlit Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mewakili negara ke Sukan Sea Ke-24 di Korat, Thailand, tahun lalu, terpilih meneruskan cabaran pasukan kebangsaan pada Sukan Olimpik Beijing, Ogos depan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata atlit terbabit adalah Che Chew Chan (taekwondo), Cheng Chu Sian (memanah), Elaine Teo Shueh Fern (taekwondo), Roslinda Samsu (olahraga) dan Wan Mohd Khalmizam Wan Ab Aziz (memanah).

Beliau berkata, kejayaan atlit terbabit bukan saja mengharumkan nama negara dengan menyumbang kejayaan dalam kejohanan bertaraf antarabangsa seperti Sukan Sea dan Sukan Olimpik, malah menaikkan nama dan imej universiti dalam bidang sukan.

"Saya bangga dengan sumbangan dan pencapaian 48 atlit UPM yang mewakili negara ke Sukan Sea 2007. Seharusnya mereka menjadi contoh kepada belia dan pelajar untuk bergiat aktif dalam bidang sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya ketika berucap pada Majlis Apresiasi Kecemerlangan Atlit UPM pada Sukan Sea ke-24, di Serdang, baru-baru ini.

Pada majlis itu, 22 atlit yang mendapat pingat emas dalam kejohanan sukan berkenaan masing-masing menerima hadiah wang tunai RM500, enam pemenang pingat perak (RM300) dan 14 pemenang pingat gangsa (RM200).

Enam lagi yang tidak menerima sebarang pingat turut diberi insentif wang tunai RM100 setiap orang sebagai menghargai pengorbanan dan

semangat juang mereka.

Nik Mustapha berkata, beliau turut bangga kerana ramai atlit UPM menerima Biasiswa Sukan Kementerian Pengajian Tinggi berbanding di universiti lain.

Katanya, kementerian memperuntukkan biasiswa itu kepada atlit universiti yang aktif dalam kejohanan sukan antarabangsa seperti Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.

"Saya dimaklumkan bahawa antara kriteria pemberian biasiswa ini adalah pencapaian tinggi dalam bidang sukan yang diiktiraf Majlis Sukan Negara serta kecemerlangan akademik yang konsisten," katanya.

Sememangnya, universiti sentiasa menggalakkan pelajar untuk berjaya dalam kedua-dua bidang iaitu akademik dan sukan. Dengan pemberian biasiswa ini, saya percaya ia akan menyuntik semangat juang tinggi kepada atlit'

Dr Nik Mustapha R Abdullah
Naib Canselor UPM